

SUCCESS STORY

JENIS	MAKLUMAT
NAMA PI1M	PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA TAMAN JAYA KEMAYAN
LOKASI	MUKIM KEMAYAN, BERA.PAHANG.
NAMA	NORAZLIZA BT AWANG
BUTIRAN DIRI	<ul style="list-style-type: none"> • 39 TAHUN • PEREMPUAN • TARAF PENDIDIKAN (SPM) & SIJIL KEMAHIRAN MARA • BERKAHWIN • https://www.facebook.com/liz.liciouscookies?fref=ts • https://www.facebook.com/cupcake4sweet?fref=ts
KISAH KEJAYAAN	<p>Pusat internet 1 Malaysia Taman jaya yang terletak di daerah Bera iaitu salah satu daerah yang baru membangun di kawasan Pahang telah berbesar hati untuk berkongsi cerita kejayaan salah seorang individu yang telah berjaya di dalam kehidupan dan perniagaan.</p> <p>Norazliza bt Awang seorang individu biasa berpendidikan SPM dan pernah mengikuti kursus di Sijil Kemahiran Mara, sebelum menceburkan diri dalam bidang perniagaan kek dalam talian beliau merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Minat dalam pembuatan kek ini bermula apabila beliau pernah membeli kek dikedai dan kek yang dibeli untuk sambutan hari jadi anaknya berkulat. Bermula dengan kejadian itu, beliau berazam untuk belajar membuat kek sendiri untuk anaknya. Minat dalam membuat kuih ini juga bermula dari sekolah kerana sering membantu ayahnya membuat kuih karipap untuk menyara kehidupan mereka.</p> <p>Bermula dengan minat membuat kek di masa lapang dan kek yang dibeli untuk sambutan harijadi anaknya tidak sedap kak liza telah membuat kek sendiri dan memberi jiran dan kawan-kawan terdekat rasa kek yang dibuat olehnya. Melalui maklumbalas dari kawan-kawan dan galakkan dari keluarga dan suami kak liza cuba memberanikan diri menerima tempahan daripada jiran dan kawan terdekat. Setelah melihat permintaan menggalakkan beliau cuba untuk membuat blog dan membuka akuan FB untuk memperkenalkan kek dan mempromosikan keknya kepada "public". Allhamdulillah dengan mempromosikan kek di dalam perniagaan atas talian kek beliau mendapat sambutan menggalakkan serta jualan dan pendapatan bulanannya bertambah dua kali ganda mengikut tempahan yang diterima. Kak Liza sering mendapat tempahan untuk majlis pertunangan, perkahwinan, majlis hari jadi dan kenduri kesyukuran.</p>

Berkat kesabaran dan semangat yang tinggi bermodalkan RM 500 kini kak Liza melangkah setapak lagi dalam bidang pembuatan kek. Jika sebelum ini kak Liza membuat kek didapur rumahnya sendiri, kini kak Liza telah membuka kedai kek impiannya pada tahun 2014, yang dahulu dikenali sebagai aneka kek. Kedai kek kak Liza beroperasi setiap hari dan permintaan terhadap kek beliau mendapat sambutan sangat menggalakkan daripada pelanggan bukan sahaja komuniti setempat, malah di seluruh negeri antaranya Temerloh, Kuantan, Terengganu, Kuala Lumpur, Putrajaya dan jabatan-jabatan kerajaan sekitar Bera.

Kini beliau mempunyai 5 orang pekerja yang membantu dalam membuat kek dan menguruskan tempahan yang ditempah oleh pelanggan. Untuk mendapatkan pelanggan tetap bukan mudah kerana kepercayaan pelanggan terhadap kek dan servis penghantaran merupakan kunci kejayaan kak Liza. Selain itu, kak Liza juga berkata rahsia kesedapan keknya ialah beliau membuat kek dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang.

Berbekalkan semangat keazaman dan keyakinan yang tinggi serta permintaan yang menggalakkan daripada pelanggan beliau kini telah mendapat jenamanya yang tersendiri iaitu "liz'licious homemade cookies". Beliau juga ada label tersendiri iaitu Bera Best yang terdiri dalam 21 orang usahawan untuk memperkenalkan dan memasarkan produk atau cookies mereka sehingga ke Singapura. Liz'licious homemade juga banyak terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh perladang, petanian dan Maha untuk mempekenalkan produk "liz'licious cookies" dipelusuk negeri. Kini jenama biskut kak liza telah memasuki pasaran Singapura iaitu Agro bazar dan biskut dari Lizlicious juga di hantar kepada pengedar antaranya Pasaraya Pahang Darul Makmur.

Pada tahun 2011, kak liza pernah memasuki pertandingan Cabaran Daisy dan memenangi tempat keempat wakil dari Zon tengah (bera). Selain itu juga kak liza pernah di anugerahkan usahawan atas talian Daerah Bera pada tahun 2013, sewaktu menyertai Karnival Usahawan dan ICT Komuniti Peringkat Negeri Pahang. Kini beliau juga tidak lokek ilmu dengan menjadi tenaga pengajar apabila diminta oleh Mara untuk mengadakan khusus kepada pelajar SKM dan penduduk setempat. Malah beliau juga ada membuka kelas personal kepada sesiapa yang berminat untuk mempelajari asas dan deco dalam pembuatan kek.

Kak Liza juga banyak mengikuti kelas dan khusus kek dan pastri untuk menambah pengetahuan dan skill

dalam deco kek beliau. Beliau juga telah mengikuti khusus yang dianjurkan oleh MARA, FAMA, MESTI dan lain-lain. Beliau juga banyak mengikuti khusus dalam pemasaran online, pembungkusan, pengendali makanan, bengkel peningkatan kualiti produk dan lain-lain.

Bermodalkan wang daripada perniagaan atas talian dan menggunakan aplikasi "facebook" kini jenama kek beliau Liz'licious homemade cookies telah dikenali ramai sehingga menembusi pasaran di Singapura dan mampu menjana pendapatan lebih mengikut permintaan. Kini beliau berjaya membuka sebuah kedai impiannya. Kejayaan kak Liza ini patut dijadikan contoh kepada suri rumah mahupun pelajar untuk menceburkan diri dalam perniagaan atas talian dan berani mencuba sesuatu, "bak kata Kak Liza kejayaan tidak akan dicapai kalau kita tidak berusaha dan berani dalam mencuba sesuatu".



Pulut kuning untuk kenduri & perkahwinan turut mendapat permintaan





Antara kek hari jadi yang telah
disiapkan oleh kak Liza kepada
pelanggannya (3D & 2D)



Antara kek perkahwinan




Roti, Apam dan biscut dari
liz'licious




Khusus yang disertai & kursus
kepada pelajar serta kelas kek
komuniti setempat



Jenama & Logo



Artikel
berkenaan



Sewaktu menyertai
cabaran Daisy



Antara sijil-sijil yang diperoleh
di oleh kak Liza (Liz'licious)

MAKLUM BALAS

- I. Beliau memberi pandangan bahawa penubuhan pusat internet 1 Malaysia ini bagus terutama dapat memberi peluang kepada masayarakat luar Bandar yang tidak berkemampuan di dalam mempelajari asas di dalam bidang IT
- II. Banyak memberi kemudahan kepada para pelajar yang memerlukan komputer untuk menyiapkan kerja sekolah dan mencari maklumat-maklumat berkenaan dengan pembelajaran mereka.
- III. Membantu golongan tua dan belia untuk melakukan sesuatu yang berkaitan dengan atas talian. Antaranya golongan belia boleh malayari iklan jawatan kosong atau belajar

	<p>komputer.</p> <p>IV. Memberi banyak maklumat terkini, justeru membolehkan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam bidang ICT.</p>
--	---